

Newspaper	Berita Harian
Date	6 February 2016

# Semua kaum dibantu: Najib

BH- 6/2/2016

» *Kerajaan komited tingkat sosioekonomi golongan miskin*

**Oleh Adha Ghazali dan Siti Fatimah Mohamed Anwar**  
bhnews@bh.com.my

► **Kulim**

**D**atuk Seri Najib Razak menegaskan kerajaan terus komited memperingkatkan taraf sosioekonomi rakyat di negara ini tanpa mengira kaum.

Perdana Menteri berkata, bukan sahaja bidang pendidikan akan menjadi strategi utama dengan menyediakan pendidikan berkualiti, malah penumpuan kepada semua bidang yang boleh melonjakkan taraf hidup golongan sasaran.

Beliau berkata, masalah miskin tegar sudah hampir selesai, kini tumpuan diberikan terhadap kumpulan B40 yang pendapatan mereka paling bawah dalam masyarakat kita.

"Sebagai kerajaan kita mesti berlaku adil kepada semua kaum... ketika ayahanda saya (Tun Abdul Razak Hussein) jadi Perdana Menteri, beliau memperkenalkan Dasar Ekonomi Baharu (DEB). Ketika itu pembasmian kemiskinan mesti dilakukan tanpa kira kaum. Itu dijanjikan sejak 1970-an.

"Sesiapa pun, tak kira keturunan atau kaum kalau dalam golongan miskin, maka kerajaan perlu lakukan sesuatu untuk bawa mereka keluar daripada kepompong kemiskinan," katanya ketika berucap merasmikan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Jalan Paya Besar di sini, semalam.

**Golongan miskin dibantu**

SJKT Paya Besar yang dibina dengan kos RM13 juta adalah SJKT ke-524 negara dan semalam, Perdana Menteri turut mengumumkan penukaran nama sekolah itu kepada SJKT Ko Saranggabani.

Najib berkata, adalah penting untuk menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti dan percuma untuk membantu golongan sasaran.

"Kalau kita beri anak mereka akses kepada pendidikan berkualiti, mereka boleh menjadi orang dewasa yang berkelulusan, termasuk profesional. Melalui cara ini, kita boleh lihat kalau ada seorang daripada keluarga itu 'menjadi' dan ada kelulusan tinggi, maka sosioekonomi keseluruhan keluarga dapat diangkat ke tahap yang lebih baik," katanya.

Mengenai masyarakat India, Perdana Menteri berkata: "Kita ada pelan untuk komuniti India. Ia sedang berjalan dan menunjukkan hasil. Saya nak beritahu kepada kaum India, apabila kita janji, bukan kosong, tetapi ia boleh ditepati."

Untuk video, layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)